



BAHAGIAN SEKOLAH,
JABATAN SEKOLAH,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PA RAS 5, BLOK J (SELATAN),
PUSAT BANDAR DAMANSARA
50604 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2556900
Fax : 03-2535150

KP(BS/HEP)8543/016(5)

8 Mac 1999

Kepada Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Jabatan Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datuk/ Datin/Tuan/ Puan,

Tatacara Pelaksanaan
Program Kaunseling HIV/AIDS Di Peringkat Sekolah

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai satu langkah yang proaktif bagi membantu pengurusan masalah HIV/AIDS di kalangan murid sekolah, Bahagian ini memohon kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/ Datin/Tuan/Puan bagi memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan:

- 2.1 Jabatan Pendidikan Negeri mengenalpasti sekolah-sekolah yang murid-muridnya terlibat dengan kes HIV/AIDS.
- 2.2 Jika Jabatan Pendidikan Negeri tidak mempunyai rekod mengenai sekolah yang muridnya terlibat dengan HIV/AIDS, JPN hendaklah mendapatkan maklumat tersebut daripada pegawai Unit HIV/AIDS Pejabat Kesihatan Negeri / Daerah.
- 2.3 Pihak sekolah hendaklah menyediakan program pencegahan bagi murid yang belum terlibat. Manakala untuk murid yang terlibat pihak sekolah hendaklah menyediakan program pencegahan. Dalam penyediaan program pencegahan ini pihak JPN boleh minta bantuan dan pandangan Pejabat Kesihatan Negeri/ Daerah yang berkenaan.
- 2.4 Memastikan masalah kesihatan dan kaunseling HIV/AIDS hendaklah menjadi agenda tetap dalam mesyuarat-mesyuarat PIBG sekolah.
- 2.5 JPN hendaklah menyediakan laporan kemajuan perkara-perkara di atas, iaitu pada akhir (Mac/Jun/ Sept/Disember) setiap tahun.

3. Bersama-sama ini disertakan contoh format laporan.

4. Segala urusan mengenai perkara ini Y. Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh hub
Encik Haris Bin Abdullah (03-2583269). Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan
pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih.

'BERHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

Sabri

~~HAJI SABRI BIN SALLEH~~
Pengeran
Bahagian Sekolah
Kementerian Pendidikan Malaysia